

# NDRC UMS lancar makmal hidup pengurusan bencana

UB 08.05.2024 P.03

KOTA KINABALU: Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC), Universiti Malaysia Sabah (UMS) melancarkan Makmal Hidup Bencana Alam Melangkap (MaHBAM) di Kota Belud, baru-baru ini.

Ini dilancarkan sempena Bengkel Penubuhan Task Force Bencana Alam Melangkap (TFBAM) dengan lima objektif utama.

Antaranya membina komuniti berdaya tahan terhadap bencana menerusi pengukuhan kapasiti CBDRM dan memperkasa daya tahan dan kesiapsiagaan komuniti melalui pendidikan dan latihan bencana.

Selain itu, ia menjalankan kajian dan pemantauan bencana alam di Melangkap serta melaksana sains dan teknologi dalam pengurangan risiko bencana.

Objektif terakhir menjalin kerjasama erat dengan komuniti dan pemegang taruh dalam pengurusan bencana.

Ketika merakamkan, Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) UMS, Profesor Dr. Jualang Azlan Gansau berkata penubuhan makmal itu membantu penyelidik menjalankan pemindahan ilmu berkaitan pengurusan bencana kepada komuniti.

Selain itu, katanya, ia bagi menyalurkan kepakaran sedia ada NDRC untuk menjalankan penyelidikan di kawasan berkenaan.

"Ini diharap dapat membantu komuniti mengadaptasikan bencana ini dengan mencari penyelesaian terbaik untuk menyelamatkan nyawa sekiranya berlaku bencana.

"FSSA sentiasa berkerjasama dengan masyarakat dan aktiviti pemindahan ilmu dan kepakaran seumpama ini merupakan agenda disarankan pihak universiti," katanya.

Pelancaran itu turut disaksikan Penolong Pegawai Daerah Kota Belud, Winnie Anggon dan Pengarah NDRC UMS, Profesor Madya Ts. Gs. Dr. Carolyn M. Paus.

Sementara itu Carolyn



**KERJASAMA:** Sebahagian peserta Bengkel Penubuhan Task Force Bencana Alam Melangkap.

berkata penubuhan makmal hidup itu merupakan hasil cadangan dan permintaan daripada komuniti Kampung Melangkap Baru yang diarahkan oleh Ketua Kampung, Somboton Gungsalahan.

"Pihak komuniti berharap NDRC UMS bersama agensi berkaitan dapat membantu komuniti di Melangkap dalam pengurusan bencana di kawasan ini," katanya.

MaHBAM merupakan makmal hidup pertama di UMS dan kedua di Sabah selepas Resilience Living Lab Kundasang, yang dilancarkan oleh Disaster Preparedness and Prevention Centre, Universiti Teknologi Malaysia tahun lalu yang mengkhusus kepada pengurusan risiko bencana yang dipacu oleh komuniti itu sendiri.

"Di samping itu juga, NDRC UMS turut menubuhkan Task Force Bencana Alam Melangkap sebagai salah satu aktiviti di dalam MaHBAM.

Carolyn menambah, penubuhan task force tersebut

**PROFESIONAL:** Antara ahli penyelidik Makmal Hidup Bencana Alam Melangkap yang hadir.



**PERKONGSIAN ILMU:** Perbincangan komuniti dalam bengkel penubuhan task force bencana bersama MKN.



**RASMI:** Profesor Dr. Jualang Azlan (tengah) pada gimik perasmian MaHBAM sambil disaksikan oleh Winnie Anggon (kiri) dan Carolyn (kanan).

merupakan cadangan komuniti bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kota Belud dan Agensi Pertahanan Awam (APM) Kota Belud dan merupakan yang pertama seumpamanya di Sabah.

Turut hadir felo-felo Penyelidik Utama NDRC yang juga Ahli Penyelidik

Makmal Hidup Bencana Alam Melangkap, Profesor Dr. Felix Tongkul, Profesor Madya Ts. Dr. Chee Fuei Pien, Ir. Ts. Dr. Noor Sheena Herayani Harith serta Ketua Pejabat Wilayah Sabah, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sabah, Amir Shah Noor Ahmad.



**BINCANG:** Perbincangan komuniti dalam bengkel penubuhan task force bencana bersama agensi JBPM Kota Belud dan APM Kota Belud.